

CSR UMS Dedah Potensi Industri Pelancongan di Mengkabong, Tuaran

NSF 14-4-2015 (1)

TUARAN: 35 orang pelajar Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) turun padang bagi aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) di rumah pelancongan nelayan Kg Tembiluk, Mengkabong Tuaran baru-baru ini.

Rombongan pelajar yang diketuai oleh Pensyarah Komunikasi Korporat Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS, Jakaria Dasan antaranya bertujuan sebagai pendedahan bukan sahaja kefahaman terhadap obligasi sosial yang melibatkan pelajar dengan masyarakat luar, tetapi juga bagi menilai potensi industri pelancongan di rumah tersebut.

Menurut Jakaria, Bersesuaian dengan topik semasa, iaitu "Communication Across Culture", program CSR yang menggabungkan pelajar kursus Komunikasi Korporat dan Mikroekonomi ini turut berpeluang berinteraksi dengan 150 orang pelancong dari Korea dan dua warga England yang berada di rumah pelancongan tersebut.

"Para pelajar juga berpeluang melihat pembangunan sosio-ekonomi masyarakat etnik samah-bajau ini dengan dibawa melihat kampung tersebut menerusi aktiviti tinjauan", jelas beliau.

Terdahulu, pengusaha rumah pelan-

congan tersebut, Hayati Majat berkesempatan memberi taklimat khas mengenai pengendalian pelancong kepada pelajar yang terlibat. Menurutnya, saban minggu rumah pelancongan beliau sentiasa menerima pelawat dari dalam dan luar negeri.

"Rumah pelancongan nelayan yang diusahakan bersama ahli keluarga ini adalah rumah atas air etnik bajau-samah, yang pada masa kini sudah tidak kelihatan lagi.

"Selain untuk tujuan perusahaan pelancongan, rumah pelancongan ini didirikan bagi memberi peluang kepada anak-anak muda tempatan serta pelancong luar untuk mengetahui asal usul dan keadaan hidup masyarakat Samah-Bajau suatu masa dahulu," katanya.

Justeru katanya, lawatan rombongan pelajar-pelajar termasuk dari UMS sangat dialu-alukan kerana mampu memberi pendedahan serta menyebarkan pengalaman dan potensi industri pelancongan dan warisan etnik yang terdapat di perkampungan Mengkabong ini.

"Ini sekaligus membuka minda anak-anak kampung untuk bersemangat meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi diri dan keluarga melalui potensi industri pelancongan sebagai alternatif kerjaya," ujar beliau.



KENANGAN ... Pelajar UMS merakam gambar kenangan bersama pengusaha rumah pelancongan.